

09/12/1999

Mendekatkan industri aeroangkasa kepada rakyat

Ebi Azly Abdullah

PAMERAN Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima 99) di Pulau Legenda Langkawi sudah pun berakhir, menutup tirai pertunjukan ketenteraan dan penerbangan/maritim awam terulung serantau, yang juga terakhir buat alaf ini.

Kebimbangan awal bahawa pilihan raya umum ke-10 baru berakhir pada minggu lalu, menjejaskan perjalanan pertunjukan kali ini jelas meleset dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hadir pada setiap hari pertunjukan termasuk perasmian dan penutup.

Walaupun pelbagai pujian diberikan terhadap kedua-dua penganjur, Le Proton Lima Sdn Bhd (segmen aeroangkasa) dan HW Lima Sdn Bhd (maritim) termasuk daripada Perdana Menteri sendiri, masih banyak yang perlu diperkatakan mengenai perjalanan pertunjukan terbabit.

Dari segi kehadiran, kedua-dua seksyen Lima 99 jelas tidak menghampakan dengan lebih 1,400 syarikat menyertainya. Bahagian aeroangkasa menyaksikan susunan pameran yang lebih tersusun dan menarik, dengan ciri-ciri utama kali ini ialah Pavilion Aeroangkasa Malaysia, diketuai Airod Sdn Bhd.

Ia turut ketara di pameran bahagian maritim di Tanjung Malai, dengan sebuah khemah khas disediakan untuk syarikat Malaysia diketuai Business Focus Sdn Bhd, syarikat gergasi maritim negara.

Persembahan dan demonstrasi yang dipaparkan pada pertunjukan kali ini juga tidak kurang hebat berbanding edisi lalu, dengan tumpuan utama pada seksyen aeroangkasa bertumpu kepada pasukan aerobatik Red Arrows dari Britain serta pesawat pejuang MiG dan Sukhoi terbaru dari Russia.

Di seksyen maritim, ketiadaan kapal selam yang menonjol pada Lima 97 digantikan pula dengan kehadiran beberapa kapal perang utama termasuk dari Perancis, LPD Siroco; dan Amerika Syarikat (USS Vincennes).

Apa yang menarik di Tanjung Malai ialah orang ramai kelihatan berpusu-pusu untuk mengunjungi bukan kapal perang asing, tetapi kapal terbaru milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) seperti KD Lekiu, Perantau dan Mahawangsa.

Perkara yang sama turut dilihat di seksyen aeroangkasa, dengan pengunjung pada dua hari terakhir yang dibuka kepada umum, banyak berkumpul di pavilion syarikat tempatan serta bergambar di pesawat pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) seperti F/A-18C/D Hornet, MiG-29N Fulcrum dan Hawk 200.

Ia secara tidak langsung mengetengahkan peranan utama Lima, yang diilhamkan oleh Dr Mahathir pada akhir 1980-an untuk mencapai matlamat utamanya iaitu membangunkan industri aeroangkasa dan maritim negara menerusi pembabitan rakyat dan sektor swasta.

Sasaran pertama membangunkan kemampuan untuk mengeluarkan komponen dan peralatan ganti sudah pun dicapai dalam industri aeroangkasa dan pada peringkat perintis dalam industri maritim.

Penunjuk utamanya ialah penubuhan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) yang dianggotai 25 syarikat tempatan diketuai Aerospace Industries Malaysia (AIM), yang secara tidak langsung menandakan kematangan industri berteknologi tinggi terbabit.

MAIA akan bersifat badan induk yang boleh menarik kemasukan pelaburan asing dan perkongsian pintar dalam sektor aeroangkasa tempatan dan global.

Tanda-tanda awal peningkatan MAIA dan industri aeroangkasa negara boleh dilihat pada majlis pelancaran persatuan itu, yang menyaksikan termeterainya perjanjian bagi 10 kontrak program usaha sama antara

syarikat tempatan, firma asing dengan kerajaan.

Pembangunan industri seperti itu sudah tentunya akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi sebuah sektor yang disifatkan 'glamour' oleh sebahagian besar remaja di negara ini.

Sehubungan itu, tumpuan bagi edisi Lima akan datang seharusnya ke arah mendekatkan industri aeroangkasa (dan maritim) kepada rakyat, tanpa mengetepikan unsur perniagaan yang dianggap lebih penting.

Ini termasuk menyediakan produk dan pameran yang lebih interaktif dan menarik untuk pengunjung, baik daripada sektor perniagaan mahu pun awam. Penganjur seksyen aeroangkasa iaitu Le Proton, perlu menimbangkan kemungkinan mengurangkan bayaran masuk pengunjung awam yang ketika ini ditetapkan sebanyak RM20, kepada satu tahap yang lebih berpatutan.

Selain itu, walaupun hari pelepasan umum ditetapkan pada Sabtu dan Ahad saja, adalah lebih menarik jika penganjur mencontohi pameran udara utama dunia seperti Paris, yang menyediakan hari awam dua atau tiga hari selepas perasmian.

Ini akan membolehkan minat yang lebih tinggi kepada rakyat untuk menghadiri pameran itu.

Lima 2001 perlu mendidik rakyat mengenai kebaikan industri aeroangkasa dan maritim negara, dan secara tidak langsung menjadi pencetus kepada semangat alaf baru untuk menggerakkan industri yang bakal menjadi antara senjata utama ke arah mencapai Wawasan 2020.

(END)